

# MOGOK TAK DAPAT TAMBAH GAJI PEKERJA – DR. M

*Dr. Mahathir*  
**K**UALA LUMPUR 27 Sept. – Tindakan mogok bukan saja tidak boleh mendatangkan pertambahan gaji tetapi yang jelas ia akan merosakkan ekonomi negara dan mengurangkan hasil kerajaan.

Presiden UMNO, Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad menegaskan bahawa jauh daripada menolong menambah pendapatan kerajaan, mogok juga akan mengurangkan pendapatan itu dengan berpanjangan kerana kesan daripada sesuatu mogok tidak akan hilang apabila saja ia diberhentikan. **UM**

Dalam ucapan dasarnya sewaktu merasmikan Perhimpunan Agung UMNO ke-36 di Kompleks UMNO Malaysia, Jalan Tun Ismail di sini hari ini, beliau berkata ekoran daripada itu keupayaan kerajaan untuk menaikkan gaji akan tergendala buat beberapa tahun.

“Apakah dengan mengadakan mogok ini, kita akan mendapat hasil yang banyak untuk membayar gaji tambahan?” Tanya Perdana Menteri yang terang - terang ditujukan kepada kesatuan - kesatuan sekerja yang mengancam akan melancarkan mogok jika tuntutan mereka untuk kenaikan gaji tidak dilayani.

Kerajaan, katanya, bukan hanya bertanggungjawab kepada kakitangannya tetapi juga rakyat keseluruhannya.

Menurutnya, sehingga kini kemelesetan ekonomi telah menyebabkan beribu-ribu pekerja swasta menganggur malah ramai pekerja asing dan pekerja tempatan di negara jiran tidak dapat bekerja kerana kemerosotan ekonomi di situ.

Semua peringkat rakyat termasuk penjaja, pekedai,

petani, nelayan, penoreh getah dan pekerja lombong, semuanya turut menderita bukan saja kerana kehilangan atau kekurangan pendapatan akibat tekanan ekonomi yang meleset tetapi juga kerana inflasi.

“Sebaliknya, tidak seorangpun daripada kakitangan kerajaan telah dibuang kerja kerana kemelesetan ekonomi. “Sebenarnya, sebahagian daripada mereka telah mendapat kenaikan gaji sehingga sebanyak 12 peratus iaitu lebih dari sebulan gaji dalam setahun. Ada juga yang telah dinaikkan gred dan elaun mereka.” kata Datuk Sri Dr. Mahathir.

Beliau bertanya lagi: “Apakah kerajaan perlu melayan kakitangannya sahaja tanpa mengambil kira rakyat lain?”

Beliau menyatakan rasa dukacitanya kerana mereka yang bernasib baiklah yang bercadang mengancam kestabilan negara dan mungkin juga ‘periuik nasi’ orang lain.

Beliau kemudian menyelar tindakan dan ugutan pihak pemimpin kesatuan sekerja kakitangan kerajaan itu yang ingin mengambil tindakan mogok kerana menurutnya, bukan semua pekerja kerajaan yang berminat tetapi hanya “para pemimpin kesatuan sekerja yang bercita-cita besar.”

Presiden UMNO itu berkata bahawa kerajaan akan menghadapi cabaran dan ugutan itu dengan pendirian yang tegas.